

Tarikh/ Date :
12 Januari 2024

Ruj. Kami/ Our Ref. :

ST(IP/JKSK/UKLE)100-01/01/1(36)

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)

No. 12, Jalan Tun Hussein, Precinct 2,

62100 Putrajaya, Malaysia

T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637

Toll Free : 1-800-2222-78 (ST)

Ketua Pegawai Eksekutif
Dagang Net Technologies Sdn. Bhd.
Dagang Net Tower,
Block 10, Star Central,
63000 Cyberjaya
Selangor



Tuan,

PEMAKLUMAN BERKAITAN PENYERAHAN FUNGSI KAWALSELIA BEKALAN ELEKTRIK DAN GAS DI SABAH KEPADA ENERGY COMMISSION OF SABAH (ECOS).

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Kenyataan Media daripada Suruhanjaya Tenaga (ST) bertarikh 3 Januari 2024 seperti di Lampiran.

2. Untuk makluman tuan, mulai **3 Januari 2024**, dengan rasminya, kuasa pengawalseliaan pembekalan elektrik di seluruh negeri Sabah beralih tangan daripada Suruhanjaya Tenaga (ST) kepada Energy Commission of Sabah (ECoS). Kuasa kawal selia ini meliputi kawal selia ekonomi, teknikal dan keselamatan elektrik.

3. Selaras dengan itu, pihak kami ingin memohon kerjasama daripada pihak tuan untuk memastikan dan menyekat semua permohonan Perakuan Pendaftaran (*Certificate of Registration (CoR)*), Perakuan Kelulusan (*Certificate of Approval (CoA)*) dan Surat Pelepasan (*Release Letter (RL)*) yang diproses melalui portal <https://edik.st.gov.my/> dan <https://epermit.dagangnet.com.my/> menggunakan alamat perniagaan, alamat gudang dan pelabuhan pendaratan (*port of landing*) di Sabah supaya tidak lagi diproses dalam kedua-dua portal tersebut.

4. Mohon pihak tuan untuk membuat pemakluman berkaitan perkara ini pada kedua-dua portal tersebut. Sekiranya ada sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berkaitan permohonan CoR, CoA dan RL bagi negeri Sabah, boleh diajukan melalui e-mel careline@ecos.gov.my.

5. Kerjasama daripada pihak tuan kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, salam hormat.

Yang benar,



(NURHAFIZA BINTI MOHAMED HASAN)

Pengarah

Jabatan Kawal Selia Keselamatan (JKSK)

Suruhanjaya Tenaga

LAMPIRAN



KENYATAAN MEDIA
3 JANUARI 2024

Kuasa Pengawalseliaan Pembekalan Elektrik Sabah Diserah kepada Energy Commission of Sabah (ECoS) Mulai 3 Januari 2024

KOTA KINABALU, 3 Januari 2024 – Mulai 3 Januari 2024 dengan rasminya, kuasa pengawalseliaan pembekalan elektrik di seluruh negeri Sabah beralih tangan daripada Suruhanjaya Tenaga (ST) kepada Energy Commission of Sabah (ECoS). Kuasa kawal selia ini meliputi kawal selia ekonomi, teknikal dan keselamatan elektrik.

Dalam usaha memastikan ketersediaan pihak ECoS untuk mengambil alih fungsi dan tugas ST, perancangan dan persediaan telah bermula lebih dua (2) tahun yang lepas. Bagi tujuan ini, beberapa sesi perkongsian pengetahuan seperti program *shadow training*, *attachment* dan perkongsian maklumat serta sesi bengkel pemindahan pengetahuan ST-ECoS juga telah dijalankan. Selain itu, serahan teknologi maklumat, perisian dan dokumen turut dilaksanakan, di samping penyerapan beberapa pegawai ST ke ECoS.

Persediaan rapi ini adalah penting bagi memastikan tiada gangguan bekalan ataupun operasi dialami oleh para pengguna, pemegang lesen serta pihak industri di Sabah setelah penyerahan kuasa ini dilaksanakan. Pihak ST yakin bahawa pihak ECoS telah bersedia sepenuhnya untuk mengambil alih pengawalseliaan pembekalan elektrik di Sabah dan akan tetap memberikan sokongan apabila perlu.

Susulan keputusan Kerajaan Persekutuan bahawa pembekalan elektrik bagi WP Labuan dikekalkan di bawah Kerajaan Persekutuan, pihak ST akan membuka sebuah pejabat di WP Labuan bagi memastikan kawal selia pembekalan elektrik di WP Labuan berjalan dengan lancar.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

ST mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pejabat Kawasan ST Pantai Barat Negeri Sabah (Kota Kinabalu) dan Pantai Timur Negeri Sabah (Sandakan) di atas segala perkhidmatan yang diberikan selama ini. Pihak ST juga memanjangkan ucapan selamat maju jaya kepada ECoS selaku badan kawal selia pembekalan elektrik negeri Sabah yang baharu.

Mana-mana pihak yang memerlukan penjelasan lebih lanjut bolehlah menghubungi pihak ECoS melalui emel careline@ecos.gov.my atau telefon/WhatsApp di +6088-205 774 bagi apa-apa perkara yang berhubungan dengan pengawalseliaan pembekalan elektrik di Sabah.

*****TAMAT*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Veliana Ruslan/Hazwani Ghazali/Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03-8870 8753/019-2131978 (Veliana)/011 28866271 (Hazwani)/018 3822545 (Harith)

Emel: veliana@st.gov.my/noorhazwani@st.gov.my/harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.